

08 FEB 2001

INDUSTRI-ASEAN

KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN DI BUKIT KAYU HITAM

BUKIT KAYU HITAM, 8 Feb (Bernama) -- Sebuah kawasan perdagangan bebas seluas 2,400 hektar yang dikenali Asean Industrial Metropolis 2010 akan dibina di Bukit Kayu Hitam, yang bersempadan dengan Thailand.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata projek berkenaan akan mengandungi kawasan perindustrian berat serta kawasan untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), kompleks Kastam dan Imigresen, pusat komersil dan perumahan.

Beliau berkata kerja-kerja awal projek dimulakan bulan depan dan dijangka siap pada 2010 dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan upacara pecah tanah pada 5 Mac ini.

"Apabila beroperasi sepenuhnya projek berkenaan dapat menarik pelaburan sebanyak RM20 bilion dan mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan Thailand," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat projek berkenaan di Kelab Golf Black Forest di sini, hari ini.

Bukit Kayu Hitam telah mempunyai sebuah kawasan perindustrian, yang antara lain mempunyai kilang pengeluaran komponen sayap kapal terbang untuk pesawat Boeing.

Beliau berkata dengan wujudnya sebuah lagi kawasan perindustrian di situ, ia akan merancakkan pertumbuhan ekonomi di antara utara Malaysia dan Selatan Thailand.

Syed Razak berkata Asean Industrial Metropolis 2010 merupakan antara kawasan perdagangan bebas yang termoden dan terbesar di Asean.

Katanya kos pembinaan projek itu dianggarkan RM3 bilion.

Pembangunan projek dilaksanakan syarikat Northern Gateway Sdn Bhd, yang ekuitinya 30 peratus dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan selebihnya dipegang syarikat Benua Bayu Sdn Bhd, katanya.

Pembinaan dilakukan dalam tiga fasa, dengan fasa pertama yang dijangka mengambil masa empat tahun adalah pembinaan kawasan perdagangan bebas, perumahan, kompleks Kastam dan Imigresen serta komersil.

Sementara itu, fasa kedua dan ketiga adalah penerusan pembinaan kawasan perindustrian dan komersil. -- BERNAMA

MZM OS